


Dokumen Meja Terkawal

TENDER DALAM TALIAN



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

DOKUMEN TENDER

BAGI

PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN PARIT UTAMA SECARA BERKALA (4 KALI SETAHUN) DI KAWASAN ZON PUCHONG (PC-2) UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA SELANGOR DARUL EHSAN BAGI TAHUN 2025

NO. TENDER :	MBSJ.KUB.400-5/8/182
TARIKH BUKA :	14 OKTOBER 2024
TARIKH TUTUP :	04 NOVEMBER 2024
MASA TUTUP :	12.00 TENGAH HARI

**DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA,
USJ 5, PERSIARAN PERPADUAN,
47610 SUBANG JAYA,
SELANGOR D.E.
www.mbsj.gov.my**

NO. TENDER : MBSJ.KUB.400-5/8/182

**PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN PARIT UTAMA SECARA BERKALA (4 KALI SETAHUN) DI
KAWASAN ZON PUCHONG (PC-2) UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
SELANGOR DARUL EHSAN BAGI TAHUN 2025**

BAHAGIAN	BUTIRAN	MUKA SURAT
A	SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER	SS 1 – SS 4
B	SURAT AKUAN PEMBIDA – LAMPIRAN 6	SAP 1 – SAP 2
C	ARAHAN KEPADA PETENDER	AKP 1 – AKP 12
D	BORANG TENDER	BT 1 – BT 2
E	<i>PREAMBLES</i>	P 1 – P 2
F	JADUAL KADAR HARGA	JKH 1 – JKH 3
G	PENENTUAN PERKHIDMATAN & SPESIFIKASI	PP 1 – PP 15
H	PENALTI / DENDA	KD 1
J	SURAT BUKTI PEMILIKAN / PENYEWAAN LORI RORO	J1
K	MAKLUMAT PETENDER	MP 1- MP 12



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN A

SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER

SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER

PERKARA-PERKARA PENTING YANG PERLU DILENGKAPKAN / DILAMPIRKAN KE DALAM DOKUMEN TAWARAN HARGA DAN MAKLUMAT PETENDER.

- 1) Kami telah membaca dengan teliti dan memahami semua arahan yang terkandung di dalam Arahan Kepada Petender termasuk arahan yang menghendakkan kami mengemukakan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen mengenai perkara seperti di dalam senarai semak bersama-sama dokumen tender kami semasa mengemukakan tender ini untuk membolehkan MBSJ menilai keupayaan kami untuk melaksanakan perkhidmatan yang ditender semasa penilaian tender.
- 2) Kami faham dan mengambil maklum bahawa penilaian tender ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan kami melaksanakan perkhidmatan yang ditender. justeru itu tender kami akan hanya dipertimbang untuk di perakukan kepada ahli jawatankuasa tender di setuju terima sekiranya kami didapati berkeupayaan untuk melaksanakan projek yang ditender, mengikut penilaian MBSJ berasaskan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang kami kemukakan.
- 3) Kami juga mengambil maklum bahawa kami dikehendaki mengemukakan semua maklumat dan dokumen yang berkaitan bagi menyokong maklumat tertentu, sebelum tender ditutup. Maklumat dan dokumen yang dikemukakan kemudian daripada itu tidak akan di pertimbangkan didalam penilaian keupayaan kami.
- 4) Kami juga mengambil maklum bahawa penilaian ke atas **tender kami akan terjejas atau mungkin tidak dipertimbangkan** sekiranya maklumat-maklumat yang diberikan tidak diisi atau tidak mencukupi atau tiada dokumen sokongan yang lengkap.
- 5) Kami dengan ini mengaku bahawa segala maklumat dan data-data yang dinyatakan adalah betul dan benar belaka. Saya bersetuju MBSJ akan bertindak mengikut budibicaranya untuk mengetahui kedudukan sebenar. Sekiranya mana-mana maklumat didapati tidak benar, MBSJ berhak membatalkan tawaran ini ataupun menarik balik kontrak berkenaan kemudian.

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Tender
5	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dan/atau Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera dari Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6	Borang A (Maklumat Petender) - Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat Dan Keesahan Dokumen Yang Dikemukakan Oleh Petender lengkap diisi dan ditandatangani. (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7	<p>Petender adalah diwajibkan mengemukakan sekurang-kurangnya satu dari perkara-perkara berikut (Wajib) :</p> <p>i. Salinan Sijil Pemilikan Kenderaan Lori RORO (bagi pemilikan sendiri) atau</p> <p>ii. Salinan Surat Perjanjian Penyewaan dan Salinan Sijil Pemilikan Kenderaan Lori RORO (bagi syarikat yang mempunyai perjanjian sewaan, atau</p> <p>iii. Melengkapkan Borang J (Surat Penyewaan Lori RORO) dan Salinan Sijil Pemilikan Kenderaan Jentera Lori RORO seperti di bahagian J (bagi syarikat yang tidak mempunyai perjanjian sewaan)</p>	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
8	<p>Bagi membolehkan penilaian teknikal dilakukan, petender perlu mengemukakan bukti pemilikan/keempunyaan loji, jentera, peralatan dan lain-lain seperti berikut (sekiranya berkaitan) :</p> <p>i) Kenderaan / jentera dengan menyertakan salinan Sijil Pemilikan Kenderaan / Sijil / Surat Pajakan</p> <p>ii) Peralatan kerja dengan menyertakan senarai peralatan beserta bilangan</p> <p>iii) Pengalaman kerja yang telah disahkan dengan menyertakan Surat Setuju Terima (SST) yang lengkap dan laporan penilaian prestasi oleh agensi terlibat</p> <p>iv) Salinan sijil-sijil kursus/ seminar/ latihan berkaitan dan Penyata Caruman Majikan kakitangan.</p>	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Tender
9	Lain-lain (Sila nyatakan) : i) ii) iii)	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>

<p>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</p> <p>dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam Dokumen Tender. Semua maklumat yang dikemukakan (jika ada) adalah benar</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p>	<p>UNTUK KEGUNAAN JABATAN</p> <p>Jawatankuasa Pembuka Tender mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil.....(jika ada)</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p>
--	--

*Sila potong mana tidak berkenaan



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN B

**SURAT AKUAN PEMBIDA –
LAMPIRAN 6**

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN PARIT UTAMA SECARA BERKALA (4 KALI SETAHUN) DI KAWASAN ZON PUCHONG (PC-2) UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA SELANGOR DARUL EHSAN BAGI TAHUN 2025

MBSJ.KUB.400-5/8/182

Saya,(Nama Wakil Syarikat) No. Kad Pengenalan yang mewakili (Nama Syarikat) nombor Pendaftaran (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. Tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa - apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. Tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1. Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2. Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa :

- 3.1 Saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau
- 3.2 Tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam Surat Akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (turn over) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan :

Nama :

No. K/P :

Tarikh :

Cap Syarikat :

Catatan:

- (i) *Termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574] .
- (ii) **Seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN C

ARAHAN KEPADA PETENDER



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN D

BORANG TENDER

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BORANG TENDER

TENDER BAGI :PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN PARIT UTAMA SECARA BERKALA (4 KALI SETAHUN) DI KAWASAN ZON PUCHONG (PC-2) UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA SELANGOR DARUL EHSAN BAGI TAHUN 2025

Kepada :

Datuk Bandar,

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA.

1. Saya / Kami yang bertandatangan di bawah ini, telah meneliti serta memahami segala syarat-syarat dan jadual kadar harga, dengan ini menawarkan diri untuk melaksanakan bekalan-bekalan / perkhidmatan tersebut dengan sempurna dan memuaskan dengan tawaran harga diskaun yang ditawarkan sepertimana di bawah dan / atau Penentuan Perkhidmatan tersebut. Yang bertandatangan di bawah ini mengemukakan tawaran melaksanakan kerja-kerja ini dengan kadar tawaran diskaun sebanyak*% (dengan perkataan :)
peratus daripada kadar harga sepertimana di dalam Jadual Kadar Harga di dalam dokumen tender ini :

Nota: *.....Isikan kepada dua titik perpuluhan (Cth: 15.50)

2. Yang bertandatangan di bawah ini mengesahkan bahawa tawaran diskaun tersebut akan digunakan untuk kadar harga di dalam Jadual Kadar Harga bagi menghasilkan Jumlah Bayaran yang akan dibuat terhadap sesuatu pesanan/arahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa.

3. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju bahawa nilai anggaran kerja keseluruhan perolehan ini adalah dijangka dalam lingkungan **RM 44,333.34 sebulan** dan tertakluk kepada setiap arahan kerja yang dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa di mana dan apabila perlu dijalankan.

4. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju bahawa Jumlah Harga Kumulatif bagi keseluruhan tempoh kontrak ini berkuatkuasa selama **satu (1) tahun** tertakluk kepada kelulusan Pihak Majlis seperti di para 3 di atas adalah sebanyak **RM532,000.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ratus Tiga Puluh Dua Ribu Sahaja)** melainkan terdapat apa-apa arahan tambahan dari Pegawai Penguasa yang disifatkannya sesuai.

5. Saya/Kami bersetuju untuk menandatangani surat perjanjian dalam tempoh empat belas (14) hari sekiranya tender ini diterima dan bersetuju dengan apa-apa syarat tender yang ditetapkan secara bertulis serta bersetuju menyerahkan **Bon Pelaksanaan** dan ia hendaklah meliputi keseluruhan tempoh kontrak dengan memilih dalam bentuk samada :

a) Jaminan Bank / Bank Islam / Bank Pembangunan Malaysia Berhad(BPMB) / Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (Bank SME) atau

b) Jaminan Syarikat Kewangan atau

c) Jaminan Insurans/Takaful

6. Bahawasanya adalah diketahui bahawa Majlis sentiasa berhak menyetujui/terima atau menolak Tender ini, sama ada ianya lebih rendah atau lebih tinggi daripada Tender-tender yang lain, atau sama tawaran harga diskaunnya. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju yang Tender ini akan berterusan sah dan tidak akan ditarik balik dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan Tender dan bersetuju bahawa tiada apa-apa had, syarat atau janji lain akan dikenakan oleh kami selepas tarikh tersebut.

7. Saya/Kami juga maklum bahawa akan **menanggung Fi penyediaan Dokumen Perjanjian** sepertimana ditetapkan oleh pihak MBSJ seperti dinyatakan di dalam perkara 20.0 Arahan Kepada Petender.

8. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju bahawa tender ini akan ditolak sekiranya melanggar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Majlis sentiasa berhak mengambil tindakan tatatertib terhadap yang bertandatangan di bawah ini bagi membatalkan pendaftaran yang bertandatangan di bawah ini sebagai kontraktor Kerajaan, sebagaimana difikirkan perlu oleh Majlis.

Bertarikh pada haribulan 2024.

.....
(Tandatangan Petender)

Nama Penuh :
No. Kad Pengenalan :
Alamat :
.....
No. Telefon :
Tarikh :

.....
(Tandatangan Saksi)

Nama Penuh :
No. Kad Pengenalan :
Alamat :
.....
No. Telefon :
Tarikh :

.....
(Meterai atau Cap Petender)



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN E

PREAMBLES

PREAMBLES

PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN PARIT UTAMA SECARA BERKALA (4 KALI SETAHUN) DI KAWASAN ZON PUCHONG (PC-2) UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA SELANGOR DARUL EHSAN BAGI TAHUN 2025

NO. TENDER : MBSJ.KUB.400-5/8/182

BIL	HURAIAN
	<p><u>PREAMBLES</u></p> <p>A Syarikat yang dilantik hendaklah menyediakan Perlindungan Takaful/Insurans Tanggungan Awam dan Pampasan Pekerja sebelum melaksanakan perkhidmatan ini. (rujuk Perkara 22 dalam Arahan Kepada Petender) ** Walaubagaimanapun, adalah digalakkan untuk mengambil Pelan Perlindungan Takaful berbanding Plan Perlindungan Insuran.</p> <p>B Syarikat yang dilantik juga hendaklah menyediakan Bon Pelaksanaan (<i>Performance Bond</i>) dalam bentuk Bank / Islamic Bank / BPIMB / Insurans / Takaful atau Jaminan Syarikat Kewangan bagi perkhidmatan yang kontraknya bernilai melebihi RM200,000.00 (rujuk kepada Perkara 12 dalam Arahan Kepada Petender).</p> <p>C Petender dinasihatkan untuk membaca dan memahami segala isi kandungan Dokumen Tender ini. Ini adalah bertujuan agar kontraktor dapat menjalankan semua perkhidmatan ini mengikut arahan dan penentuan perkhidmatan sepertimana yang telah ditetapkan.</p> <p>D Lain-lain tanggungjawab dan makluman kepada petender adalah seperti di Bahagian Penentuan Perkhidmatan dan Spesifikasi.</p> <p>E Petender akan menanggung Fi penyediaan Dokumen Perjanjian sepertimana ditetapkan oleh pihak MBSJ. Sila rujuk Jadual Fi Bayaran di Perkara 20.0 dalam Arahan Kepada Petender.</p>

NO. TENDER : MBSJ.KUB.400-5/8/182

BIL	HURAIAN
A	<p><u>AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 2018 (AKTA SST 2018)</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Semua tawaran harga secara Tender yang dikemukakan oleh Petender hendaklah tanpa kiraan SST. 2. Petender hendaklah mengisytiharkan status pendaftaran dan mengemukakan nombor pendaftaran SST kepada pihak Majlis sekiranya mengenakan caj SST kepada pihak Majlis. 3. Sekiranya Petender yang berjaya adalah berdaftar dengan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM), pihak Majlis akan mengeluarkan Surat Setuju Terima kepada Petender yang berjaya dengan tawaran harga termasuk kenaaan SST. 4. Bagi Petender yang mengisytiharkan tidak dikenakan cukai di bawah Akta SST, namun akan menjadi syarikat yang berdaftar SST setelah ditawarkan perolehan tersebut, maka pihak Petender hendaklah memaklumkan dengan segera kepada pihak Majlis berkenaan perubahan status pendaftaran syarikat tersebut di bawah Akta SST. Pelarasan harga kenaaan SST tersebut akan dimuktamadkan oleh Pegawai Penguasa (P.P).



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN F

JADUAL KADAR HARGA

**PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN PARIT UTAMA SECARA BERKALA (4 KALI SETAHUN) DI
KAWASAN ZON PUCHONG (PC-2) UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
SELANGOR DARUL EHSAN BAGI TAHUN 2025**

NO. TENDER : MBSJ.KUB.400-5/8/182

BIL.	HURAIAN	UNIT	KADAR HARGA (RM)
A	- (Sambungan)		
	13. Jalan BPU 6 - 7, Bandar Puchong Utama (anggaran 320 meter)	m	6.16
	14. Persiaran Saujana Puchong - Persiaran Saujana Puchong 1 (anggaran 2,385 meter)	m	6.16
	15. Persiaran Lestari Perdana 5 (depan SKJC Bukit Serdang) (anggaran 1,500 meter)	m	6.16
	16. Persiaran Lestari Perdana - Persiaran Lestari Perdana 5 (LP 8) (anggaran 550 meter)	m	6.16
	17. Persiaran Lestari Perdana (IWK - bulatan ke Desaminium) (anggaran 800 meter)	m	6.16
	18. Persiaran Lestari Perdana (Caltex - Flat Sri Indah) (anggaran 1,500 meter)	m	6.16
	19. Jalan LP 3/2 - LP 3/27, Taman Lestari Perdana (anggaran 450 meter)	m	6.16
	20. Jalan KP 1/1 sehingga Jalan KP 1/7, Taman Kota Perdana (anggaran 180 meter)	m	6.16
	21. Jalan KP 2/8 - 2/9, Taman Kota Perdana (anggaran 530 meter)	m	6.16
	22. Jalan KP 2/12, Taman Kota Perdana (anggaran 200 meter)	m	6.16
	23. Persiaran Kota Perdana (KP 2) sehingga kolam takungan (anggaran 500 meter)	m	6.16
	24. Persiaran Lestari Putra 1 (anggaran 662 meter)	m	6.16
	25. Persiaran Lestari Putra 2 – Persiaran Lestari Putra 3 (anggaran 500 meter)	m	6.16
	26. Jalan LEP 1/16, Taman Lestari Putra (anggaran 200 meter)	m	6.16
	27. Jalan LEP 4 sehingga Persiaran Lestari Putra 2 (anggaran 300 meter)	m	6.16
	28. Jalan LEP 4/5 - 4/11, Taman Lestari Putra (anggaran 310 meter)	m	6.16
	29. Jalan LEP 5 sehingga Jalan LEP 6/8, Taman Lestari Putra (anggaran 1,200 meter)	m	6.16
	30. Jalan LEP 7/1 sehingga Jalan LEP 7/4, Taman Lestari Putra (anggaran 300 meter)	m	6.16
	31. Jalan LEP 7/4 sehingga Jalan LEP 7/11, Taman Lestari Putra (anggaran 400 meter)	m	6.16
	32. Persiaran Pinggiran Putra 2, Taman Pinggiran Putra (anggaran 410 meter)	m	6.16
	33. Jalan Putra Permai Selesa (anggaran 400 meter)	m	6.16

**PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN PARIT UTAMA SECARA BERKALA (4 KALI SETAHUN) DI
KAWASAN ZON PUCHONG (PC-2) UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
SELANGOR DARUL EHSAN BAGI TAHUN 2025**

NO. TENDER : MBSJ.KUB.400-5/8/182

BIL.	HURAIAN	UNIT	KADAR HARGA (RM)
A	<p>- (Sambungan)</p> <p>34. Jalan BPP 1, Bandar Putra Permai (anggaran 550 meter)</p> <p>35. Jalan Putra Permai (depan Giant / BPP 8) (anggaran 1,000 meter)</p> <p>36. Jalan Putra Permai (depan Dato Demang) (anggaran 500 meter)</p>	m	6.16
2.	<p>Perkhidmatan pembersihan perangkap sampah</p> <p>- Pembersihan perangkap sampah termasuk pengeluaran kelodak, pasir, batu, tanah, pokok, tumbuhan, sampah-sarap, halangan dan lain-lain kerja yang berkaitan menggunakan peralatan atau/dan tangan ke tapak pelupusan yang dibenarkan mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa</p>	unit	1,000.00

Berdasarkan kepada kadar harga yang dinyatakan di dalam Jadual Kadar Harga pihak saya/kami telah bersetuju dengan kadar tawaran kadar diskaun sebanyak*% (dengan perkataan :)
kepada pihak Majlis Bandaraya Subang Jaya (di bawa ke **Borang Tender**).

* sila potong mana yang tidak berkenaan

** sila isikan peratus yang ditawarkan kepada dua titik perpuluhan. (e.g 20.20)



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN G

PENENTUAN PERKHIDMATAN

PENENTUAN PERKHIDMATAN

SPESIFIKASI DAN SKOP KERJA – PEMBERSIHAN PARIT UTAMA

1.0 DEFINISI (BAGI MAKSUD KONTRAK INI)

Parit utama – Kelebaran longkang sama atau melebihi 1.5 meter

Bahu parit utama – Kawasan hijau / berumput / semak-samun dengan apa-apa tumbuhan mulai dari bibir longkang hingga 3 meter dari bibir longkang

Semak-samun – Apa-apa tumbuh-tumbuhan atau rumput atau pokok renek

Sampah-sarap – semua jenis sampah termasuk tin, botol, kertas, plastik, tayar, pelet dan seumpamanya yang dibuang

Tanah – Apa-apa mendakan, pasir, lumpur, batu, kelodak dan seumpamanya

Pagar taman perumahan – pagar *chain link* yang dibina oleh persatuan penduduk taman atau pemaju perumahan

Tumbuhan – semua pokok, pokok renek, pokok liar dan rumput yang ada dalam kawasan Majlis

Tumbuhan penutup bumi – rumput dan tumbuhan lain yang tumbuh menjalar di atas tanah

Weep hole – lubang kecil sebagai laluan air yang dibina di dinding longkang

Pelupusan sampah – aktiviti pelupusan sampah hasil daripada pembersihan yang dilaksanakan di dalam kawasan perkhidmatan

Penyelia – orang yang dilantik oleh kontraktor untuk menyelia, melapor dan memastikan pelaksanaan perkhidmatan di tapak

Lori RORO - kenderaan yang dilengkapi dengan tong terbuka yang boleh diturun dan dinaikkan menggunakan roda bagi memudahkan muatan sampah diisi.

Perangkap sampah - apa-apa kaedah/peralatan yang dipasang di dalam longkang/parit bertujuan untuk memerangkap.

2.0 KEPERLUAN PERALATAN

Kontraktor mesti menyediakan keperluan semasa kerja-kerja dibuat di tapak:-

- a. Lori RORO pengumpulan dan pelupusan sampah sarap
- b. Peralatan pembersihan seperti *chain saw*, mesin rumput, parang, pencakar dan lain-lain peralatan yang sesuai.
- c. Kon, papan tanda, bendera dan petugas keselamatan (jika lokasi melibatkan lalulintas awam)
- d. Pakaian Perlindungan Keselamatan (PPE) topi, kasut, sarung tangan dan lain-lain mengikut keperluan.
- e. Jentera pembersihan yang sesuai (jika perlu)

3.0 BAJU PEKERJA

- a) Semua pekerja hendaklah memakai kemeja T yang mempunyai nama syarikat dan maklumat seperti berikut:

**SYARIKAT ABC
KONTRAKTOR PARIT UTAMA
TAHUN 2025**

- b) Baju pekerja perlu diganti mengikut tahun semasa.

4.0 KERJA-KERJA PEMBERSIHAN PARIT UTAMA

A. Kerja-kerja pembersihan di dalam dan dinding parit utama

- i. Semua sampah-sarap, pasir, batu, tanah, kelodak, tumbuh-tumbuhan atau apa saja benda yang terdapat dalam longkang perlu dikeluarkan bagi melancarkan pengaliran air.
- ii. Semua tumbuhan yang tumbuh pada dinding parit utama termasuk **Weep hole** perlu dipotong, dibersihkan dan dikeluarkan.
- iii. Perangkap sampah hendaklah dibersihkan mengikut jadual (setiap bulan dan mengikut keperluan di tapak serta arahan semasa).

B. Kerja-kerja memotong rumput di bahu parit utama

- i. Kerja-kerja hendaklah dilakukan mengikut jadual dan mengikut tempoh yang ditetapkan.
- ii. Semua tumbuhan dan semak-samun hendaklah dipotong sehingga 3 meter lebar dan/atau mengikut keperluan di tapak. Jika terdapat pagar *chain link*, perlu dibersihkan.
- iii. Semua sisa potongan hendaklah dibersihkan, disapu atau dicakar dan terus dimasukkan ke dalam plastik **HITAM** dan tong RORO.
- iv. Semua tumbuhan dan dahan-dahan pokok yang menghalang pemandangan parit utama perlu dicantas bagi mengelak dahan pokok patah dan jatuh ke dalam parit utama.

5.0 ARAHAN KERJA SEGERA

Sekiranya berlaku bencana alam (**contoh:banjir**) kontraktor perlu segera ke tapak mengikut arahan Pegawai Penguasa.

6.0 KOS PELUPUSAN

- i. Kontraktor perlu mendaftarkan lori/jentera yang digunakan untuk pelupusan sisa di Worldwide Landfill.
- ii. **Resit pelupusan perlu** atas nama syarikat dan **HENDAKLAH** dikemukakan semasa membuat tuntutan bayaran. Pihak Majlis boleh menolak tuntutan bayaran dan mengeluarkan NTP jika resit tidak disertakan.
- iii. Pelupusan hanya dibenarkan di tapak pelupusan yang ditetapkan oleh Majlis seperti berikut:

Tapak Pelupusan Sanitari (Worldwide Landfill)

- a) TPS Tanjung 12, Selangor
- b) TPS Jeram, Selangor

Tapak Pelupusan Sisa Lengai

- a) TP Dengkil, Selangor

7.0 TEMPOH PERKHIDMATAN

- i. Mengikut **Jadual Kerja** yang ditetapkan (**Lampiran A1**).
- ii. Pihak Petender/ kontraktor perlu menyediakan **Jadual Perancangan Kerja Bulanan Lampiran A2** bagi memudahkan kerja-kerja pemantauan harian oleh pihak Majlis di tapak. **Semua kerja hendaklah diselesaikan sebelum/pada 25 haribulan setiap bulan.**
- iii. Petender/ kontraktor hendaklah menyelesaikan kerja yang ditetapkan mengikut pusingan seperti yang ditetapkan di dalam **Jadual Kerja (Lampiran A1)**. Sekiranya melebihi tempoh pusingan, pihak Majlis berhak untuk mengenakan denda tidak siap kerja seperti yang ditetapkan (**Lampiran D**).

8.0 SUB KONTRAK

Petender/ kontraktor tidak boleh pada bila-bila masa memanjangkan (sub kontrak) atau melepaskan kesemua atau sebahagian daripada kontrak ini kepada orang lain.

9.0 PENGAMBILAN PEKERJA MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Bagi menjalankan kerja-kerja di bawah kontrak ini, kontraktor adalah pada bila-bila masa **dilarang** mengambil bekerja atau memanjangkan (sub kontrak) mana-mana pekerja yang sedang bekerja dengan Pegawai Penguasa sama ada pekerja tetap, sementara dan lain-lain.

10.0 PENAMATAN KONTRAK

Kontrak boleh ditamatkan jika petender/kontraktor didapati atau melaksanakan perkara seperti di bawah ini:

- a. 10 NTP sama ada kategori pemantauan atau aduan atau gabungan kedua-duanya dalam tahun yang sama - **Notis Peringatan Pertama**
- b. 20 NTP sama ada kategori pemantauan atau aduan atau gabungan kedua-duanya dalam tahun yang sama - **Notis Peringatan Kedua**
- c. 21 NTP dan lebih sama ada kategori pemantauan atau aduan atau gabungan kedua-duanya dalam tahun yang sama – **Notis penamatan**
- d. Penilaian prestasi bulanan kontraktor adalah **kurang daripada 80% untuk tempoh 3 bulan berturut-turut**

SKALA PENALTI

Skala NTP	Pemantauan	Aduan	Pentadbiran
Nilai Dimerit	3	5	2

Peratus	Skala Prestasi
85% - 100%	A – Prestasi Baik
75% - ≤ 84%	B – Notis Peringatan Pertama
≤ 74%	C – Notis Niat/ Cadangan Penamatan

11.0 ARAHAN KESELAMATAN

- i. Petender/ kontraktor perlu memastikan semua pekerja memakai atau menggunakan PPE semasa menjalankan kerja di tapak.
- ii. Bekerja di dalam ruang tertutup/terkurung adalah berbahaya. Dalam keadaan demikian, pekerja terdedah kepada risiko/situasi berbahaya dan kemalangan lain. Petender/ kontraktor hendaklah memastikan penyelia sentiasa berada di tapak semasa kerja pembersihan dijalankan.
- iii. Seperti dalam mana-mana kerja penyelenggaraan, penyelia hendaklah memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja serta orang awam di lapangan.
- iv. Petender/ kontraktor perlu memastikan semua pekerja di bawah penyeliaanya mematuhi syarat-syarat keselamatan yang ditetapkan dalam Akta Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan 1994 Pindaan 2022.

JADUAL PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN PARIT UTAMA SECARA BERKALA (4 KALI SETAHUN) DI KAWASAN ZON PUCHONG (PC-2) UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA SELANGOR DARUL EHSAN BAGI TAHUN 2025

BIL	NAMA LOKASI	PANJANG (M)	LEBAR (M)	JADUAL KERJA											
				JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS
1	Jalan Industri PBP 2 sehingga Jalan Industri PBP 3, Perindustrian Pusat Bandar Puchong	400	2 – 6												
2	Jalan Bunga Raya - Jalan Bunga Ros (Sekolah Menengah Batu 14)	240	3												
3	Jalan Puchong Bt 14 (depan & belakang termasuk seberang jalan SJK(C) Han Ming)	405	1.5 – 5												
4	Lorong Jejawi - Jalan Tembusu - tepi rumah Jalan Masjid, Bt 14 Puchong sehingga Jalan Impian	375	2												
5	Jalan Meranti, Batu 14, Puchong (berhampiran tangki air BPU 1)	100	4												
6	Jalan Bunga Melor, Bt 14 (dari jalan JKR - kolam tadahan - Zen Residence) *termasuk longkang antara rumah No.191 & 193	370	2												
7	Antara Jalan BP 2 dan BP 3, Bandar Bukit Puchong	555	4												

JADUAL PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN PARIT UTAMA SECARA BERKALA (4 KALI SETAHUN) DI KAWASAN ZON PUCHONG (PC-2) UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA SELANGOR DARUL EHSAN BAGI TAHUN 2025

-sambungan-

BIL	NAMA LOKASI	PANJANG (M)	LEBAR (M)	JADUAL KERJA											
				JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS
8	Jalan BP 4, Bandar Bukit Puchong	220	2												
9	Jalan BP 4/1, Bandar Bukit Puchong (depan Biomass)	300	4												
10	Jalan BP 4/3 sehingga Jalan BP 4/4, Bandar Bukit Puchong	820	2 – 5												
11	Jalan BP 7, Bandar Bukit Puchong	530	4												
12	Jalan Puchong (Tesco Bukit Puchong), Bandar Bukit Puchong	720	2												
13	Jalan BPU 6 - 7, Bandar Puchong Utama	320	4												
14	Persiaran Saujana Puchong - Persiaran Saujana Puchong 1	2,385	5												
15	Persiaran Lestari Perdana 5 (depan SKJC Bukit Serdang)	1,500	4												
16	Persiaran Lestari Perdana - Persiaran Lestari Perdana 5 (LP 8)	550	4												

JADUAL PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN PARIT UTAMA SECARA BERKALA (4 KALI SETAHUN) DI KAWASAN ZON PUCHONG (PC-2) UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA SELANGOR DARUL EHSAN BAGI TAHUN 2025

-sambungan-

BIL	NAMA LOKASI	PANJANG (M)	LEBAR (M)	JADUAL KERJA											
				JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS
17	Persiaran Lestari Perdana (IWK - bulatan ke Desaminium)	800	3												
18	Persiaran Lestari Perdana (Caltex - Flat Sri Indah)	1500	4												
19	Jalan LP 3/2 - LP 3/27, Taman Lestari Perdana	450	8												
20	Jalan KP 1/1 sehingga Jalan KP 1/7, Taman Kota Perdana	180	4												
21	Jalan KP 2/8 - 2/9, Taman Kota Perdana	530	3												
22	Jalan KP 2/12, Taman Kota Perdana	200	4												
23	Persiaran Kota Perdana (KP 2) sehingga kolam takungan	500	2												
24	Persiaran Lestari Putra 1	662	6												
25	Persiaran Lestari Putra 2 – Persiaran Lestari Putra 3	500	4												
26	Jalan LEP 1/16, Taman Lestari Putra	200	10												

JADUAL PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN PARIT UTAMA SECARA BERKALA (4 KALI SETAHUN) DI KAWASAN ZON PUCHONG (PC-2) UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA SELANGOR DARUL EHSAN BAGI TAHUN 2025

-sambungan-

BIL	NAMA LOKASI	PANJANG (M)	LEBAR (M)	JADUAL KERJA											
				JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS
27	Jalan LEP 4 sehingga Persiaran Lestari Putra 2	300	2.7												
28	Jalan LEP 4/5 - 4/11, Taman Lestari Putra	310	1.5												
29	Jalan LEP 5 sehingga Jalan LEP 6/8, Taman Lestari Putra	1200	4												
30	Jalan LEP 7/1 sehingga Jalan LEP 7/4, Taman Lestari Putra	300	3												
31	Jalan LEP 7/4 sehingga Jalan LEP 7/11, Taman Lestari Putra	400	3												
32	Persiaran Pinggiran Putra 2, Taman Pinggiran Putra	410	3												
33	Jalan Putra Permai Selesa	400	2												
34	Jalan BPP 1, Bandar Putra Permai	550	3												
35	Jalan Putra Permai (depan Giant / BPP 8)	1000	8												
36	Jalan Putra Permai (depan Dato Demang)	500	10												

JUMLAH KESELURUHAN : 21,562 METER

**CONTOH JADUAL PERANCANGAN KERJA BULANAN
(JANUARI, APRIL, JULAI, OKTOBER)**

BIL	NAMA LOKASI	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30	
1	Jalan Industri PBP 2 sehingga Jalan Industri PBP 3, Perindustrian Pusat Bandar Puchong																															
2	Jalan Bunga Raya - Jalan Bunga Ros (Sek. Menengah Batu 14)																															
3	Jalan Puchong Bt 14 (depan & belakang termasuk seberang jalan SJK(C) Han Ming)																															
4	Lorong Jejawi - Jalan Tembusu - tepi rumah Jalan Masjid, Bt 14 Puchong sehingga Jalan Impian																															
5	Jalan Meranti, Batu 14, Puchong (berhampiran tangki air BPU 1)																															
6	Jalan Bunga Melor, Bt 14 (dari jalan JKR - kolam tadahan - Zen Residence) *termasuk longkang antara rumah No.191 & 193																															

**CONTOH
JADUAL**

CONTOH JADUAL PERANCANGAN KERJA BULANAN
(JANUARI, APRIL, JULAI, OKTOBER)

-sambungan-

BIL	NAMA LOKASI	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30	
7	Antara Jalan BP 2 dan BP 3, Bandar Bukit Puchong																															
8	Jalan BP 4, Bandar Bukit Puchong																															
9	Jalan BP 4/1, Bandar Bukit Puchong (depan Biomass)																															
10	Jalan BP 4/3 sehingga Jalan BP 4/4, Bandar Bukit Puchong																															
11	Jalan BP 7, Bandar Bukit Puchong																															
12	Jalan Puchong (Tesco Bukit Puchong), Bandar Bukit Puchong																															
13	Jalan BPU 6 - 7, Bandar Puchong Utama																															

CONTOH
JADUAL

**CONTOH JADUAL PERANCANGAN KERJA BULANAN
(FEBRUARI, MEI, OGOS, NOVEMBER)**

BIL	NAMA LOKASI	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30	31	
1	Persiaran Saujana Puchong - Persiaran Saujana Puchong 1																																
2	Persiaran Lestari Perdana 5 (depan SKJC Bukit Serdang)																																
3	Persiaran Lestari Perdana - Persiaran Lestari Perdana 5 (LP 8)																																
4	Persiaran Lestari Perdana (IWK - bulatan ke Desaminium)																																
5	Persiaran Lestari Perdana (Caltex - Flat Sri Indah)																																
6	Jalan LP 3/2 - LP 3/27, Taman Lestari Perdana																																
7	Jalan KP 1/1 sehingga Jalan KP 1/7, Taman Kota Perdana																																
8	Jalan KP 2/8 - 2/9, Taman Kota Perdana																																

CONTOH
JADUAL

**CONTOH JADUAL PERANCANGAN KERJA BULANAN
(MAC, JUN, SEPTEMBER, DISEMBER)**

BIL	NAMA LOKASI	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30	31		
1	Jalan KP 2/12, Taman Kota Perdana																																	
2	Persiaran Kota Perdana (KP 2) sehingga kolam takungan																																	
3	Persiaran Lestari Putra 1																																	
4	Persiaran Lestari Putra 2 – Persiaran Lestari Putra 3																																	
5	Jalan LEP 1/16, Taman Lestari Putra																																	
6	Jalan LEP 4 sehingga Persiaran Lestari Putra 2																																	
7	Jalan LEP 4/5 - 4/11, Taman Lestari Putra																																	
8	Jalan LEP 5 sehingga Jalan LEP 6/8, Taman Lestari Putra																																	

**CONTOH
JADUAL**

**CONTOH JADUAL PERANCANGAN KERJA BULANAN
(MAC, JUN, SEPTEMBER, DISEMBER)**

-sambungan-

BIL	NAMA LOKASI	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30	31	
9	Jalan LEP 7/1 sehingga Jalan LEP 7/4, Taman Lestari Putra																																
10	Jalan LEP 7/4 sehingga Jalan LEP 7/11, Taman Lestari Putra																																
11	Persiaran Pinggiran Putra 2, Taman Pinggiran Putra																																
12	Jalan Putra Permai Selesa																																
13	Jalan BPP 1, Bandar Putra Permai																																
14	Jalan Putra Permai (depan Giant / BPP 8)																																
15	Jalan Putra Permai (depan Dato Demang)																																

**CONTOH
JADUAL**

LAMPIRAN B


PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN PARIT UTAMA SECARA BERKALA (4 KALI SETAHUN) DI KAWASAN MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA SELANGOR DARUL EHSAN BAGI TAHUN 2025



SEBELUM



SEMASA



SELEPAS



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN H

PENALTI / DENDA

KADAR DENDA

Kegagalan pihak kontraktor menjalankan perkhidmatan pembersihan mengikut skop kerja dalam tempoh pusingan seperti yang ditetapkan oleh Majlis, membolehkan pihak kontraktor dikenakan denda seperti berikut:-

BIL	KESALAHAN	DENDA PEMERHATIAN (RM)	DENDA ADUAN (RM)
1	Pekerja tidak memakai Peralatan Perlindungan Diri (PPE)	RM250.00	RM500.00
2	Pekerja tidak memakai kemeja-T syarikat seperti yang diarahkan oleh pihak majlis	RM250.00	RM500.00
3	Tidak menyediakan peralatan seperti <i>chain saw</i> , mesin rumput, parang, pencakar dan lain-lain peralatan yang sesuai seperti yang diarahkan oleh pihak majlis	RM250.00	RM500.00
4	Tidak mengeluarkan sampah, pasir, tanah, batu dan kelodak	RM250.00	RM500.00
5	Kerja pemotongan rumput tidak dijalankan	RM250.00	RM500.00
6	Semak-samun/ rumput/ pokok renek/liar di kawasan bahu parit/cerun/ <i>chain link</i> tidak dipotong	RM250.00	RM500.00
7	Rumput tidak dipotong sehingga 3 meter lebar selepas bibir parit utama	RM250.00	RM500.00
8	Sisa potongan rumput, sampah dan batu tidak dibersihkan	RM250.00	RM500.00
9	Sisa pembersihan parit utama ditinggalkan di bahu jalan/ tempat awam selepas jam 5.00 petang	RM250.00	RM500.00
10	Tidak membersihkan perangkap sampah	RM250.00	RM500.00
11	Tidak menyediakan kon dan petugas keselamatan (lokasi berkaitan)	RM250.00	RM500.00
12	Penyelia tiada di tapak semasa kerja-kerja dijalankan	RM250.00	RM500.00
13	Tidak mengemukakan resit pelupusan sampah sebagai bukti pelupusan	RM250.00	RM500.00



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN J

**SURAT BUKTI PEMILIKAN /
PENYEWAAN LORI RORO**

Surat Bukti Pemilikan atau Penyewaan Lori RORO

Tarikh:

Kepada: Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya
Persiaran Perpaduan USJ 5
47610 Subang Jaya
Selangor Darul Ehsan

PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN PARIT UTAMA SECARA BERKALA (4 KALI SETAHUN) DI KAWASAN ZON PUCHONG (PC-2) UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA SELANGOR DARUL EHSAN BAGI TAHUN 2025

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa pihak syarikat menyerahkan bukti pemilikan atau penyewaan lori untuk kontrak perkhidmatan di atas. Maklumat berkenaan butiran lori RORO tersebut adalah seperti berikut :

Bil	Jenis / Model	Muatan (Tan)	No. Pendaftaran	*Sendiri / sewa
1.				
2.				
3.				

...3. Bersama-sama ini juga disertakan **salinan geran atau perjanjian Lori RORO** tersebut untuk makluman dan tindakan pihak tuan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

(Nama, Alamat & **Cop Petender**)

Nama Pemilik : _____

No. K/P : _____

No. Tel.: _____

(Nama, Alamat & **Cop Pemilik**)

Nama Pemilik : _____

No. K/P : _____

No. Tel.: _____



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN K

MAKLUMAT PETENDER